

10/12/2001

Tabung Haji atasi kelemahan

Mustafa Ngah Mansor

BAGAN DATOH, Ahad - Pengurusan Tabung Haji yang baru akan mengatur strategi mantap dan profesional untuk mengembalikan keyakinan pendeposit terhadap institusi kewangan Islam itu berikutan kes kecurian wang pendeposit berjumlah RM7.725 juta, baru-baru ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, berkata lapan anggota panel pelaburan daripada kalangan profesional mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang.

Katanya, panel itu akan melakukan rombakan struktur pelaburan Tabung Haji terutama mengenal pasti sektor yang berpotensi di samping mengkaji semula pelaburan yang tidak memberi pulangan baik kepada lembaga itu.

"Berdasarkan kepakaran yang dimiliki setiap anggota panel pelaburan yang baru, saya yakin mereka mampu membawa Tabung Haji ke landasan yang tepat dan betul," katanya.

"Pengarah Urusan Kumpulan amanah Capital Partners Berhad, Datuk Seri Syed Anwar Jamalullail dilantik sebagai pengerusi panel pelaburan yang baru bersama tujuh anggota lain," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sambutan Aidilfitri kepada 200 golongan tidak bernasib baik di Dewan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), di Simpang Tiga, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas ingatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Tabung Haji membuat keputusan lebih cekap dan profesional bagi mengembalikan keyakinan masyarakat terhadap pengurusan simpanan dan pelaburannya.

Abdul Hamid berharap keprihatinan Perdana Menteri terhadap Tabung Haji akan menjadi suntikan semangat kepada anggota panel supaya bekerja dengan lebih dedikasi dan berinovasi.

Beliau berkata, umat Islam yang tidak termasuk dalam senarai menunaikan haji tahun ini masih mempunyai harapan, jika kerajaan Arab Saudi meluluskan permohonan pertambahan kuota kepada jemaah Malaysia, musim ini.

(END)